

31/08/2001

Perpaduan tunjang keutuhan bangsa, negara

Zulkofli Jamaludin

BARANGKALI tidak keterlaluan untuk menyatakan Umno mewarisi kunci kekuatan parti pemerintah dan senjata paling kukuh selama ini, iaitu perpaduan orang Melayu, sehingga layak dinobatkan sebagai tiang seri Barisan Nasional (BN). Pandangan itu didasari liku yang dilalui Umno terutama dua peristiwa penting iaitu pembentukan kerajaan dan menangani krisis kaum terbesar yang berlaku pada 1969.

Sikap tolak ansur pemimpin Umno yang dipersetujui semua kaum utama berjaya mewujudkan perpaduan sejati dan permuafakatan yang menjadi akar umbi kestabilan politik dalam menjana kesinambungan pembangunan dalam suasana harmoni.

Intipati perpaduan dan kerjasama antara kaum digarap secara berterusan oleh pemimpin negara melalui agenda nasional yang memberi penekanan kepada pembahagian peluang ekonomi yang seimbang di kalangan rakyat.

Inilah kekuatan dalaman negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, agama dan bahasa yang tidak boleh dirobek sebarang ancaman yang cuba menggugat ketahanan rakyat, lebih-lebih oleh tekanan luar dan kegawatan ekonomi.

Walaupun Islam menjadi agama rasmi negara, kebebasan beragama tidak pernah disekat. Prinsip bertolak ansur berkait rapat dengan faktor kebebasan. Penganut agama selain Islam dihormati dan diberi kebebasan mengamalkan kepercayaan dan adat resam masing-masing.

Keberkesanan konsep itu boleh diukur berdasarkan keamanan yang dikecapi setakat ini dan kesanggupan pelbagai lapisan masyarakat menggembeng tenaga demi wawasan tunggal membangunkan negara bagi mengharungi alaf baru.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sentiasa mengingatkan rakyat jatuh atau bangun negara bergantung kepada keutuhan dan semangat perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Rakyat pasti tidak mahu perpecahan wujud di negara ini kerana kita tidak mahu mempunyai pemerintah yang tidak efektif, sering tewas kepada pelbagai desakan dan tuntutan. Akhirnya negara tidak dapat ditadbirkan dengan baik, sekali gus mewujudkan suasana tidak aman dan ada pihak akan mengambil kesempatan menjatuhkan kerajaan dengan cara tidak bermaruah.

Sehubungan itu, muhasabah diri ialah proses membaiki diri yang paling berkesan dan rakyat negara ini memiliki kekuatan itu sebagaimana yang pernah berlaku sebelum ini.

Kita pernah bangkit bersatu selepas penjajah membawa Malayan Union, kita menyusun semula masyarakat dan melahirkan perpaduan yang lebih kuat selepas Tragedi 13 Mei dan kita kembali kuat setelah berjaya memulihkan ekonomi tanpa perlu tunduk kepada syarat yang ditetapkan kuasa ekonomi asing.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, mengingatkan rakyat supaya berpegang kepada peribahasa bersatu teguh, bercerai roboh.

"Sikap taksab harus dikikis dan amalan mempertikai atau mempersoalkan tindakan kerajaan secara melulu semata-mata berasaskan maklumat palsu daripada anasir asing yang sentiasa menanti peluang menjajah kita kembali.

"Sistem pemerintahan sedia wujud di negara kita yang tiada cacat celanya ternyata serasi dengan suasana sosial, agama, ekonomi serta politik dan sehati dengan jiwa masyarakat berbilang kaum," katanya.

Meskipun kemelut ekonomi masih menghantui negara, kebajikan rakyat tidak pernah diabaikan, malah projek infrastruktur serta prasarana awam yang

perlu bagi kepentingan dan kesejahteraan rakyat tetap diteruskan.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, pernah menjelaskan rakyat harus peka dan tidak terpengaruh dengan hasutan pihak tertentu yang inginkan negara rebah akibat masalah ekonomi.

"Apa yang dialami negara kita kini didalangi anasir luar, oleh itu jangan terlalu mempercayai segala yang didengar atau dibaca, terutama isu disebar oleh media asing yang memang menanti peluang seumpama ini," katanya.

Sempena hari kebangsaan ini, masyarakat wajar menyingkap sejarah kemerdekaan negara bagi menilai semula segala pencapaian serta suka-duka yang diharungi bersama sejak penentangan terhadap gagasan Malayan Union pada 1946, pembentukan Perikatan yang merangkumi Umno, MCA dan MIC pada 1955 dan penubuhan BN.

Negara kini menghadapi cabaran paling getir, selepas satu dekad menikmati zaman mewah, iaitu pemulihan kegawatan ekonomi yang menjadi ujian kepada ketahanan dan perpaduan kaum.

Sehubungan itu, kerjasama semua lapisan masyarakat, tanpa mengira kaum bangsa dan agama amat perlu diperkukuhkan dari semasa ke semasa untuk menyejajarkan pemulihan ekonomi.

Kita harus sedar ramai cemburu dengan pencapaian negara, tidak kurang pula yang iri hati dengan keakraban penduduk dan ingin mencemari keamanan untuk meruntuhkan asas sosioekonomi yang teguh.

Perpaduan penting bagi menjamin maruah serta kedaulatan negara dan bangsa tidak tergugat berikutan ancaman segelintir anasir asing yang cuba mengaut keuntungan mudah daripada kejatuhan negara.

Rusuhan kaum dan perang saudara di sesetengah negara membangun seharusnya menyedarkan rakyat agar terus bersyukur dengan apa yang dikecapi selama ini.

Sebagai rakyat yang cintakan kebebasan dan keamanan, rakyat perlu menyokong langkah kerajaan mempertahankan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar, berkata akta itu berjaya mengekang kegiatan kumpulan tertentu yang cuba menggugat keselamatan, termasuk militan daripada menggunakan kekerasan untuk mencapai cita-cita mereka.

Katanya, ISA adalah langkah pencegahan paling berkesan memastikan perpaduan dan keharmonian negara sentiasa terpelihara dan tidak ada pihak yang cuba mencetuskan huru-hara di negara ini.

Walaupun kita akui ancaman komunis sudah lama berkubur tetapi ancaman keselamatan daripada puak reformasi jalanan dan kumpulan militan yang melanda negara sama bahayanya dengan ancaman komunis jika tidak ditangani segera.

Apa tidaknya, kalau ancaman komunis boleh ditentang dengan peluru dan meriam, tetapi apa pula caranya mengekang ancaman dan muslihat puak militan yang menyerang tempat awam sehingga mengorbankan jiwa yang tidak berdosa.

Pengekangan itu perlu dilaksanakan seperti menarik rambut dalam tepung. Pada masa sama, jika keadaan bertambah runcing, ketegasan dan keberanian bertindak secara lebih agresif perlu dilaksanakan dengan menahan anggota kumpulan terbabit menggunakan ISA.

Pada dasarnya, hanya muafakat yang tidak berbelah bahagi serta dorongan satu matlamat bagi menjana kembali kesuburan bumi tercinta akan merapatkan jalinan perpaduan antara pelbagai kaum yang sekian lama hidup bermasyarakat.

Semoga tema Hari Kebangsaan Ke-44, Keranamu Malaysia menjadi wadah kepada segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum untuk berkorban dan menyokong usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara.

(END)